

Kolej Poly-Tech MARA Batu Pahat,
LOT 55195 (PTD 53869),
Jalan Gading Emas 4,
Taman Gading Emas, Sri Gading
Johor Darul Ta'zim
Tel : 07-4559902
Fax : 07-4559562

TARIKH : 25 FEBRUARI 2019

SEBUT HARGA BAGI :

**PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN ALAT PENYAMAN UDARA DI BANGUNAN
KOLEJ POLY-TECH MARA BATU PAHAT (MAC 2019 – FEBRUARI 2020)**

1. Sila berikan sebutharga bagi bekalan barang-barang / perkhidmatan yang dikeluarkan seperti di **Lampiran Q1** tertakluk kepada had-had dan syarat-syarat yang dilampirkan.
2. Untuk makluman pembekal/kontraktor sekiranya pihak tuan/puan ingin mendapatkan maklumat yang lebih lanjut berkenaan kerja-kerja berikut, pihak tuan/puan boleh terus merujuk ke Pejabat Pentadbiran KPTM batu Pahat.
3. Tarikh dikehendaki diserahkan / disempurnakan **SELEPAS SURAT TAWARAN KERJA / PESANAN TEMPATAN DIKELUARKAN.**
4. Pengirim **sendiri.**
5. Pembayaran **14 hari selepas inbois diterima.**
6. Sebutharga / tender mestilah sampai ke alamat di atas tidak lewat daripada **jam 12.00 tengahari** pada **28 Februari 2019** (14 hari bekerja) dan hendaklah sah selama **90 hari.**
7. Sebutharga / tender mestilah dimasukkan dalam sampul surat berlakri:

Tandatangan :

Cop nama &
Jawatan


KU MOHD AKHIR BIN KU SAAD
Pangarah
Kolej Poly-Tech MARA
Kampus Cawangan Batu Pahat

NO	PERIHAL BARANG-BARANG / PERKHIDMATAN DAN SYARAT-SYARAT KHAS	KUANTITI / UNIT	KADAR (RM)	JUMLAH (RM)
	<p>PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN ALAT PENYAMAN UDARA DI BANGUNAN KOLEJ POLY-TECH MARA BATU PAHAT (MAC 2019 – FEBRUARI 2020)</p> <p>Kerja-kerja penyelenggaraan alat penyaman udara melibatkan Bangunan Blok C (Bangunan Pentadbiran), Blok E (Bangunan Akademik) dan Blok F (Pejabat Asrama)</p> <p>Penyelenggaraan dijalankan sebanyak dua (2) kali setahun</p> <p>Kolej Poly-Tech MARA Batu Pahat, LOT 55194 (PTD 53869), Jalan Gading Emas 4, Taman Gading Emas, Sri Gading 83300 Batu Pahat, Johor Darul Ta'zim</p>			
	SYARAT DAN PERATURAN :			
1	<p><u>KETERANGAN AM</u> Kerja-kerja dimaksudkan ialah Penyelenggaraan Alat Penyaman Udara berkapasiti 1.0, 1.5, 2.0, 2.5 3.0 dan 4.0 kuasa kuda jenis 'Wall Mounted', Ceiling cassette' dan di Bangunan Kolej Poly - Tech Mara</p> <p>1.1 <u>LAWATAN TAPAK</u> Pihak pembekal/kontraktor boleh hadir pada bila-bila masa sehingga tarikh tutup sebut harga sekiranya pihak tuan/puan ingin membuat lawatan tapak. (HARGA DIISI</p> <p>a) Bangunan Pentadbiran Blok -C</p> <ul style="list-style-type: none"> - 1.0hp (wallmounted) 48 unit - 1.5hp (wallmounted) 8 unit - 2.0hp (wallmounted) 1 unit - 2.0hp (ceiling cassette) 10 unit - 3.0hp (ceiling cassette) 27 unit - 4.0hp (ceiling cassette) 27 unit - 2.5 ceiling expose 2 unit <p>b) Bangunan Akademik Blok –E</p> <ul style="list-style-type: none"> - 1.0hp (wallmounted) 19 unit - 1.5hp (wallmounted) 1 unit - 2.0hp (wallmounted) 33 unit - 2.5hp (ceiling cassette) 50 unit - 3.0hp (ceiling cassette) 4 unit - 4.0hp (ceiling cassette) 2 unit <p>c) Bangunan Akademik Blok –F</p> <ul style="list-style-type: none"> - 2.5 ceiling expose 1 unit 			

1.2	<u>LAPORAN</u> Kontraktor hendaklah menyediakan laporan lengkap bagi setiap kerja-kerja penyelenggaraan yang dijalankan dan laporan hendaklah diserahkan kepada juruteknik setiap kali tamat kerja-kerja penyelenggaraan		
1.3	<u>PERALATAN</u> Menyediakan peralatan, mesin dan kenderaan yang sesuai untuk melaksanakan kerja-kerja sepanjang tempoh kerja.		
1.4	<u>KESELAMATAN</u> Mematuhi peraturan - peraturan elektrik 1994 dalam kerja - kerja elektrik yang hendak dilakukan		
1.5	<u>PEMBERSIHAN</u> Membuang sisa binaan yang telah ditanggal termasuk sisa berkaitan dari tapak kerja ke tapak pelupusan yang dibenarkan pihak berkuasa tempatan.		
2	<u>SPESIFIKASI KERJA</u>		
2.1	Melakukan pemeriksaan fizikal pada unit alat penyaman udara serta melakukan pembersihan penapis udara pada unit dalaman.		
2.2	Membuat bacaan dan merekod aliran arus (Ampere Reading) pada terminal hidup 'incoming compressor'.		
2.3	Membuat dan merekod bacaan gas jika unit penyaman udara tidak berfungsi dengan baik (Mengikut keperluan).		
2.4	Pemeriksaan menyeluruh unit 'Outdoor' jika alat penyaman udara tidak berfungsi dengan baik (Mengikut keperluan)		
2.5	Pemeriksaan 'Motor Blower' yang terdapat pada unit 'indoor' alat penyaman udara.		
2.6	*Menguji guna unit penyaman udara setelah senggaraan (Langkah A hingga E) telah dilaksanakan pada setiap unit.		
2.7	*Memaklum dan mengisi laporan / senarai semak yang disediakan jika unit penyaman udara mengalami kerosakan.		
	* Senarai alat penyaman udara seperti dilampiran . * Spesifikasi penyelenggaraan diatas adalah setiap 3 bulan sekali.		
A	JUMLAH (PERTAMA KALI SELENGGARA)		
	JUMLAH (KALI KE DUA SELENGGARA)		
B	JUMLAH CUKAI SST (JIKA ADA)		
C	JUMLAH KESELURAHAN		

PERINGATAN:

1. Pembekal / Kontraktor perlu berdaftar dan menghantar **Profil syarikat** kepada pihak kolej.
2. Profil Syarikat juga perlulah lengkap mengandungi:
 - Profil Syarikat (Salinan SSM & Kewangan)
 - Carta Organisasi Syarikat
 - Penyata Bank
 - Rekod pengalaman kerja lepas
 - Surat Pengesahan Pendaftaran SST (Jika ada)
3. Sekiranya Pembekal / Kontraktor belum mendaftar sebagai pembekal di KPTM Batu Pahat, Pembekal / Kontraktor tersebut hendaklah mengisi borang pendaftaran sebagai pembekal di Pejabat Pentadbiran KPTM Batu Pahat.
4. Diskaun-diskaun perniagaan, tunai, bayaran cepat dan diskaun-diskaun lain dan apa-apa bayaran misalnya cukai dan belanja membungkus hendaklah ditunjukkan.
5. Harga boleh diisi sama ada tulisan tangan atau bertaip.
6. Sebarang pertanyaan pihak pembekal / kontraktor boleh terus menghubungi **Pejabat Pentadbiran KPTM Batu Pahat di no. telefon 07-4559902 / 6729**
7. Saya / Kami dengan ini menawarkan untuk membekalkan barang-barang / perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang ditunjukkan di atas tertakluk kepada syarat-syarat berikut di belakang.

Tarikh : _____

Petender :

Alamat :

Cop Syarikat :

**PERKHIDMATAN PENYELENGGARAAN ALAT PENYAMAN UDARA DI BANGUNAN
KOLEJ POLY-TECH MARA BATU PAHAT (MAC 2019 – FEBRUARI 2020)**

Jumlah amaun sebutharga ini ialah jumlah wang pukal sebanyak Ringgit Malaysia :

Saya / kami juga mengesahkan bahawa harga tawaran di atas diberi dengan penuh kefahaman dan pengetahuan saya / kami ke atas isi kandungan dokumen mengikut spesifikasi yang telah dibekalkan dan keseluruhan kontrak akan dilaksanakan dari tarikh penerimaan surat setuju terima.

Saya / Kami telah meneliti semasa membuat tawaran dan bersetuju sah laku harga tawaran di atas selama Sembilan puluh (90) hari dari tarikh tutup tawaran.

Pembekal :

Tandatangan :

Alamat pembekal :

Tarikh :

Nama penuh saksi :

Tandatangan saksi :

Alamat saksi :

Perjanjian ini boleh ditamatkan pada bila-bila masa oleh mana-mana pihak dengan memberi satu (1) bulan notis bertulis tersebut mesti dihantar sendiri atau dialamatkan seperti yang tercatat di perjanjian ini.

Cop dan tandatangan penender :

Nama penender (Huruf Besar) :

No. Telefon :

No. Kad pengenalan :

Alamat :

.....

.....

.....

Tarikh :

SYARAT-SYARAT AM

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di lain-lain tempat dalam pelawaan ini, syarat-syarat am berikut hendaklah dipakai melainkan setakat mana syarat-syarat itu boleh ditolak secara tertentu atau petender.

1. Keadaan Barang-barang

Semua barang-barang mestilah baru dan belum diguna.

2. Diskaun

Tiap-tiap diskaun termasuk diskaun-diskaun perniagaan, tunai dan bayaran cepat yang diberi atas harga mestilah ditunjukkan.

3. Bekalan Sebahagian

Sebutharga/tender boleh disampaikan bagi satu-satu benda atau bagi sebahagian kuantiti benda-benda itu.

4. Barang-barang Sama nilai

Sebutharga/tender boleh disampaikan bagi barang-barang sama nilai yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.

5. Setujuterimaan

- (i) Sebutharga/tender yang terendah sekali atau mana-mana sebutharga/tender tidaklah semestinya disetujuterima.
- (ii) Tiap-tiap butiran akan ditimbang sebagai satu sebutharga/tender yang berasingan.

6. Pemeriksaan

- (i) KPTM adalah berhak mengarahkan barang-barang itu diperiksa atau diuji oleh seorang pegawai yang dilantiknya semasa ianya dibuat atau pada bila-bila masa yang lain sebelum diserahkan.
- (ii) Penjual hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.

7. Perakuan Mematuhi Penentuan

Penender-penender adalah dikehendaki memperakui bahawa barang-barang/perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan atau standard (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. Penolakan

- (i) barang-barang yang kualitasnya rendah ataupun yang berlainan dari yang disetujuterima dalam sebutharga/tender boleh ditolak.
- (ii) Apabila diminta hendaklah memindahkan barang-barang yang ditolak itu atas risiko dan perbelanjaannya sendiri dan ia hendaklah membayar balik kepada Kolej Poly-Tech MARA segala perbelanjaan yang telah dilakukan atas barang yang ditolak.
- (iii) Fasal-fasal (i) dan (ii) di atas adalah tanpa menyentuh apa-apa hak terhadap gantirosak kerana melanggar kontrak.

9. Pengiklanan

Tiada iklan mengenai setujuterima terhadap mana-mana tender boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau lain-lain perantaraan iklan tanpa kelulusan terlebih dahulu daripada pihak Kolej Poly-Tech MARA.

10. Tafsiran

Sebutharga/tender ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah ditafsirkan mengikut dan tertakluk kepada undang-undang Malaysia, dan penjual bersetuju patuh kepada bidang kuasa eksklusif mahkamah-mahkamah Malaysia dalam apa-apa jenis pertikaian atau perselisihan yang mungkin timbul mengenai sebutharga/tender ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

11. Insuran

Tiada apa-apa insuran atas barang-barang dalam perjalanan dari negeri pembekal atau dalam Malaysia boleh dimasukkan dalam sebutharga/tender.

(INGATAN : syarat-syarat No. 1 hingga 11 di atas adalah dipakai bagi semua sebutharga/tender)

BARANG-BARANG EX STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA

12. Cukai

Melainkan jika ditunjukkan berasingan, harga hendaklah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

13. Pembungkusan

- (i) Melainkan jika ditunjukkan berasingan, harga hendaklah diertikan sebagai termasuk belanja pembungkusan dan membungkus.
- (ii) Apa-apa kehilangan atau kerosakan akibat pembungkusan yang tidak cukup atau cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

14. Pengenalan

Jika berkenaan, nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri atau tempat asal barang-barang itu hendaklah ditunjukkan.

15. Cukai

Harga hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai. Jenis-jenis cukai hendaklah ditunjukkan berasingan dalam sebutharga/tender.

16. Matawang

Sebutharga/tender hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia.

17. Punca Bekalan

Jika barang-barang tidak dibeli terus daripada pengilang, sebutharga/tender mestilah menyatakan nama dan alamat tempat beli yang melaluinya barang-barang itu akan dibeli.

18. Pembungkusan

- i. Barang-barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut kelaziman perdagangan barang-barang itu dieksport dengan tidak dibungkus.
- ii. Melainkan jika ditunjukkan berasingan, harga hendaklah diertikan sebagai termasuk belanja pembungkusan dan membungkus.
- iii. Apa-apa kehilangan atau kerosakan akibat daripada pembungkus atau pembungkusan yang tidak cukup atau cacat hendaklah diganti oleh penjual.